

17 MAR 2001

MMSM-Demonstrasi

DEMONSTRASI JALANAN BUKAN SUARA MAJORITI RAKYAT - MMSM

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Demonstrasi jalanan seperti yang dirancang oleh parti Keadilan bukan merupakan suara majoriti rakyat kerana majoriti rakyat Malaysia lebih suka pucuk pimpinan negara ini ditentukan menerusi proses pilihan raya, kata Pergerakan Perpaduan Islam Malaysia (MMSM).

Presidennya Datuk Zulkifli Ahmad berkata walaupun ada di kalangan rakyat yang bersikap prejudis terhadap kerajaan namun majoriti lebih suka melahirkan pandangan serta perasaan mereka menerusi peti undi sejajar dengan proses demokrasi yang diamalkan sekarang dan bukan menerusi demonstrasi jalanan.

"Demonstrasi jalanan akan hanya merosakkan negara dan memudaratkan bangsa Melayu kerana orang Melayu nanti akan hanya leka berdemonstrasi untuk menjatuhkan kerajaan daripada memikirkan masalah bangsa terutama dalam bidang ekonomi, pendidikan dan sosial," katanya pada persidangan media di pejabatnya di sini.

Zulkifli mengulas cadangan Parti Keadilan Nasional untuk menganjurkan demonstrasi jalanan secara besar-besaran setiap hari bagi menjatuhkan kerajaan.

Beliau yang merupakan bekas aktivis pelajar yang seangkatan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata berbeza dengan demonstrasi yang dianjurkan oleh pelajar sekitar tahun tujuh puluhan yang isu rakyat diperjuangkan, tetapi demonstrasi yang dicadangkan oleh Keadilan lebih menekankan kepada nasib seorang pemimpin daripada nasib orang Melayu keseluruhannya.

"Malahan Anwar, ketika menjadi Menteri Pendidikan pernah mengatakan kepada saya bahawa beliau tidak sekali-kali akan berbalik kepada cara menentang kerajaan tetapi akan memperbetulkan apa yang tidak betul daripada dalam," katanya.

Katanya demonstrasi jalanan akan hanya mendedahkan orang Melayu daripada segenap lapisan seperti golongan pelajar kepada risiko yang tidak sepatutnya mereka hadapi seperti tindakan daripada pihak berkuasa.

Selain itu katanya demonstrasi jalanan di negara ini tiada kekuatan kerana ianya cuma mendapat sokongan daripada segelintir rakyat.

Beliau berkata penganjur demonstrasi jalanan tidak boleh mengambil contoh perkembangan yang berlaku di Filipina dan Indonesia kerana komposisi kaum serta kedudukan ekonomi dan politik antara Malaysia dan kedua-dua negara jiran itu jauh berbeza.

Lebih selamat sekiranya rakyat menggunakan kuasa mereka menerusi peti undi kerana proses demokrasi yang diamalkan di Malaysia, walaupun ada kekurangannya, masih memberi ruang kepada parti pembangkang untuk memenangi kerusi pada pilihan raya seperti yang berlaku di Terengganu dan Kelantan.

Zulkifli juga berkata MMSM bercadang menganjurkan pertemuan di kalangan lebih seribu pertubuhan Islam di negara ini pada bulan Jun bagi membincangkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah dijemput bagi merasmikan pertemuan itu.

Beliau berkata MMSM ditubuhkan Julai tahun lepas bertujuan merapatkan hubungan silaturrahim sesama umat Islam di negara ini terutamanya di kalangan orang Melayu di samping mewujudkan rangkaian hubungan dengan pertubuhan Islam di negara-negara lain.

Selain itu MMSM juga merupakan Sekretariat bagi penganjuran Kongres Muslim Sedunia yang dijangka akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2002.

-- BERNAMA
AKT ZS RHM